


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 5 RABU 4 FEBRUARI, 1970 1389 ذوالقعدة 27 رابو PERCHUMA



D.Y.M.M. ketika berangkat ka-Istiadat Mengagahi pada hari Khamis lepas.

ISTIADAT MENGARAK Y.T.M. PG. PERDANA WAZIR 6 FEBRUARI

BANDAR BRUNEI. — Satu Istiadat Mengarak bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Mohammad Bolkih menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar akan berlangsung pada hari Juma'at 6 Februari di-Lapau Bandar Brunei.

Istiadat Mengarak itu akan di-hadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Ahli2 Majlis2 Mashuarat, Ketua2 Jabatan Kerajaan, orang2 kenamaan, wakil2 kaum dan saudagar2 juga di-jadualkan hadir dalam istiadat tersebut.

Perayaan sa-lama dua minggu bagi Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong itu telah di-mulakan sejak 29 Januari lepas sa-telah Istiadat Membuka Gendang Jaga2 di-langsungkan di-Balai Pemajangan Indera Kenchana Istana Darul Hana pada sebelah petang, sementara Istiadat Mengagahi bagi persiapan Istiadat Mengarak itu telah di-langsungkan di-Lapau pada sebelah pagi-nya.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei serta pembesar2 negara telah hadir di-istiadat2 tersebut.

Pekarangan Istana Darul Hana ada-lah terbuka kepada orang ramai dari jam 8.00 malam hingga 12.00 tengah (Lihat Muka 8)

KOLERA: KEADAAN BERTAMBAH BAIK

BANDAR BRUNEI. — Keadaan wabak kolera di-negeri ini semakin bertambah baik dan dapat di-kawal. Dari sejak minggu lepas hanya sa-orang sahaja yang di-masokan kamariah sakit kerana mengidap penyakit tersebut sa-lepas tidak ada kejadian di-laporkan hampir2 sa-minggu.

Orang yang di-serang itu ialah sa-orang perempuan dari Kampong Saba Darat. Beliau di-masokan ka-wad kolera di-rumah sakit Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas dan sekarang keadaannya ada-lah memuaskan.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. P. I. Franks menyatakan bahawa pesakit itu di-dapati belum lagi di-suntik dengan ubat menchegeh kolera.

Beliau berkata, ini ada-lah menjadi satu pengajaran kepada semua orang bahawa ada-lah sangat penting yang sa-orang itu mesti-lah mendapatkan suntikan bagi menchegeh penyakit itu.

Di-samping itu, beliau menegaskan, orang ramai hendak-lah melaksanakan langkah2 kesihatan yang ketat dan berusaha untuk mendapatkan

suntikan menchegeh penyakit kolera dan mematohi langkah2 yang di-buat untuk menchegeh merebak-nya lagi penyakit tersebut.

Kata-nya, makan hanya makanan yang telah di-masak, jauhkan makanan dari di-hinggapi oleh lalat2, ayer hendak-lah di-masak sa-belum diminum, basoh tangan sa-belum makan dan semua sampah sarap hendak-lah di-bakar atau di-tanam.

Dato Franks mengingatkan kepada penduduk2 Kampong Ayer supaya jangan menang-

kap ikan, mandi atau membasoh di-perayeran sungai Brunei, kerana biasa-nya kuman penyakit kolera itu di-bawa melalui ayer.

Beliau berkata, jika orang ramai mematohi kepada semua langkah kesihatan itu, negeri ini boleh di-ishtiharkan bebas dari kawasan wabak kolera dalam masa yang paling sengkat.

Sementara itu, sa-bahagian besar orang2 yang di-rawat kerana di-serang oleh penyakit tersebut telah pulih seperti sediakala dan pulang ka-rumah masing2.

Penghapusan anjing2 bukan tugas Jabatan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pertanian mensifatkan sa-bagai mengelirukan sa-buah rencana pengarang dalam Bintang Harian keluaran 27 Januari lepas yang menyeru Jabatan Haiwan supaya menghapuskan anjing2 yang sakit dan berkeliaran.

Beliau berkata, ada terdapat bahagian haiwan dalam jaba-

tan itu tetapi penghapusan anjing2 yang berkeliaran itu bukan tanggung jawab-nya.

Juruchakap itu berkata, akan tetapi kelinik haiwan akan menghapuskan anjing2 yang tidak di-kehendaki yang di-bawa ka-kelinik itu pada waktu2 bekerja.

Ini hanya akan dapat dilakukan apabila tuar2 punya anjing itu ingin hendak menghapuskan anjing2 mereka.



Kedai Sharikat Persatuan Kekal di-Kampung Lambak.

SA-BAUH lagi Persatuan Belia telah muncul diantara Persatuan2 Belia yang sedang pesat pergerakannya di-negeri ini.

Persatuan itu ia-lah Persatuan Kebajikan Kampung Lambak (KEKAL) enam batu dari Bandar Brunei. Persatuan KEKAL telah di-tubuhkan pada 30 Mei, 1967 yang di-anggotai oleh penduduk2 di-Kampung Lambak.

Dalam usia lebeh dua tahun yang boleh di-sifatkan begitu muda, Persatuan KEKAL telah menampakkan banyak kejayaan2 yang chemerlang terutama di-bidang sosial dan ekonomi.

Di-antara pergerakan Persatuan KEKAL yang nampak hari ini ia-lah dengan terlaksananya dua buah projek besar yang menelan belanja ber-puluh2 ribu ringgit.

Sa-buah Bas Pengangkutan untuk murid2 Sekolah yang boleh membawa 60 orang penumpang di-beli dengan harga \$40,000.00. Bas tersebut di-sewa khas oleh Jabatan Pelajaran bagi mengangkut murid2 sekolah dari sepanjang jalan Pasir Berakas ka-Bandar Brunei berulang alek enam kali sehari. Bas itu telah di-sewa \$2,500. sa-bulan. Ini tidak termasuk gaji pemandu dan lain2.



Bas yang di-punyai oleh Persatuan Kekal bagi mengangkut murid2 sekolah.

perbelanjaan bagi perjalanan bas itu.

Serentak dengan pembelian bas itu sa-buah lagi kedai iktisad telah di-buka di-Kampung itu yang terletak di-tepi jalan antara Berakas Kem ka-Bandar Brunei. Kedai itu terletak di-atas sa-keping tanah kepunyaan bekas Penghulu Kampung Lambak yang sudah bersara Dato' Mahawangsa Haji Sulaiman bin Haji Menudin. Kebenaran membuka kedai itu ada-lah dengan persetujuan dan kemurahan hati beliau yang pada dulu-nya kedai itu di-duduki oleh sa-orang penaja asing.

Dari hasil pembelian barang2 di-kedai itu hitung panjang pendapatan di-perolehi ia-lah sa-banyak \$5,000.00 sa-bulan, ini tidak termasuk wang dari hasil menggantung rambut. Persatuan KEKAL itu juga mempunyai sa-orang pekerja tetap dan sa-orang pekerja sementara yang di-gaji bagi menjaga kedai Iktisad itu. Kedai itu di-anggarkan menelan belanja kira2 \$6,000.00 termasuk belanja membaiki dan membuat tambahan bagi kedai gunting. Ini ada-lah langkah2 permulaan dan ia-nya juga akan di-perluaskan dan di-perbesarkan lagi mengikut perkembangan2 yang menggalakkan.

Kedai Iktisad dan Bas itu telah di-modali oleh ahli2 Persatuan KEKAL dengan chara penjualan saham dan ia-nya telah sempurna di-usahakan oleh Jawatankuasa Seksi Kedai Iktisad dan Bas sudah hampir sa-tahun. Semua kunci kira2 perbelanjaan dan wang keluar dan masuk akan dapat di-ketahui kira2 tiga bulan lagi yang menentukan keuntungan2 bagi di-bahagi2kan kepada semua pemilek2 saham.


Sa-lain daripada menubuhkan kedai iktisad dan mempunyai bas, persatuan 'Kekal' itu juga berchita2 hendak mendirikan sa-buah 'fuel station' atau tempat menjual mi-

Sa-orang pegawai sokan dari Jabatan Pelajaran, Che'gu Hussain bin Zainal ketika di-hubungi baru2 ini telah bersedia mengurbankan masa-nya untuk menasihatkan Persatuan 'Kekal' dalam perlawanan itu.

Persatuan 'Kekal' semanjak ia-nya di-tubuhkan telah memilih Yang Berhormat Pehin Orang Kaye Ratna Di-Raja Dato' Utama Haji Awang Mohd. Zain menjadi Penasihat Persatuan itu, sementara Guru Besar Sekolah Melayu Dato' Mahawangsa Kampung Lambak Che'gu Asmakhan bin Abd. Khan di-pilih menjadi 'Penaong'.

Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi yang di-pilih untuk tahun 70 ini ia-lah:

Yang Di-Pertua — Awg. Zakaria bin Hj. Sulaiman.



Gambar menunjukkan sa-orang pelanggan sedang bergunting di-kedai Iktisad Persatuan Kekal.

nyak patrol di-Kampung itu. Rancangan yang besar itu telah pun di-terima pada dasar-nya dalam mashuarat Agong pertama persatuan itu pada tahun lalu. Bagaimana pun rancangan ini sedang di-kaji dan di-teliti dengan sa-halus2-nya dalam semua perkara.

Sempena dengan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke-24 Persatuan 'Kekal' berchadang akan menganjorkan peraduan perlawanan "Badminton Belia" peringkat Daerah Brunei/Muara dan Temburong.

Besar kemungkinan bahawa Persatuan 'Kekal' akan terus menganjorkan perlawanan 'Badminton' itu dari peringkat Daerah hingga ka-peringkat seluruh negeri jika keadaan2 mengizinkan di-masa akan datang.

Sa-orang juruchapak bagi Persatuan itu menerangkan bahawa memandang banyak-nya pemuda2 kita yang di-dapati di-setiap kampung telah banyak menubuhkan gelanggang sechara bersendirian dan harus-lah tenaga2 dan kechendorongan mereka itu di-beri galakkan yang sa-wajar-nya.

Timbalan Yang Di-Pertua — Awg. Jaya bin Abd. Latif.

Setiausaha Agong — Awg. Abd. Hamid bin Ismail.

Tim. Setiausaha Agong — Abd. Rahim b. Md. Walli.

Pen. Setiausaha Agong — Dyg. Fatimah bte Hj. Abd. Ghani.

Bendahari Kehormat — Awg. Muhammad b. Hj. Serudin.

Pen. Bendahari Kehormat — Awg. Bakir bin Sidek.

Pemereksa kira2 — Awg. Ali bin Abu Bakar dan Awg. Pudin bin Jumahat.

Setiausaha Kebajikan, Awg. Ahmad bin Arshad.

Setiausaha Sokan dan Olahraga — Che'gu Asmakhan.

Setiausaha Iktisad — Awg. Jaya bin Abd. Latif.

Setiausaha Ugama — Pg. Hj. Mahmud b. Pg. Damit.

AHLI2 JAWATANKUASA TANPA JAWATAN

Awg. Isa b. Hj. Sulaiman.
Awg. Alamin b. Hj. Hanafiah.
Awg. Abd. Wahab b. POKIL.
Dato' Paduka Hj. Ismail.
Awg. Ghafar b. Hj. Lamat.
Awg. Ismail b. Hassan.

KHUTBAH JUMA'AT

**KOLERA:
PENGASINGAN JEMAAH2
HAJI UNTOK
MEMBOLEHKAN
MEREKA MENUJU
KA-TANAH SUCHI**

PADA 20 Jauari 1970, negeri kita di-dalam wabak penyakit ta'um atau kolera dan telah di-anggap negeri ini sa-bagai kawasan penyakit yang berjangkit yang merbahaya menurut undang2 antara bangsa.

Menyentuh kedudukan Negeri Brunei pada masa ini di-dalam undang2 antara bangsa sa-telah di-ishtiharkan negeri ini sa-bagai kawasan penyakit kolera, untok menjaga supaya penyakit itu tidak merebak sama ada keluar atau pun di-dalam negeri ini, persiapan2 dan usaha2 kerajaan pada menjaga dan memberikan suntikan kepada raayat dan penduduk negeri ini telah berjaya, walau bagaimana pun orang yang keluar dari negeri ini ada-lah sangat2 di-jaga supaya jangan sampai orang2 itu membawa dan bertanggong-jawab menyebarkan keluar daripada kawasan penyakit itu merebak.

Perakara ini Rassulullah s.a.w. pernah mengingatkan kepada orang2 Islam dan penduduk2 negeri yang terkena penyakit seperti ini dengan sabda-nya bermaksud:

"Jika kamu mendengar berlakunya penyakit wabak sedang menjangkiti sa-sebuah negeri, maka janganlah kamu

memasoki negeri itu dan jika kamu sedang berada di-dalam negeri itu maka janganlah kamu melarikan diri daripadanya".

Di-antara yang telah terlibat akibat daripada kejadian wabak ini ia-lah pelayaran jemaah2 haji, ada di-antara saudara2 kita yang termasuk di-dalam kawasan itu telah tidak dapat di-benarkan oleh undang2 peratoran antara bangsa. Ini telah di-nyatakan oleh pegawai2 yang berkenaan di-negeri, dan orang2 yang di-bolehkan pergi menyempurnakan fardhu haji pun telah di-mestikan melakukan pengasingan (Quarantin) daripada

tempat yang di-ishtiharkan ada-nya wabak itu ka-tempat yang bebas daripada penyakit kolera, ia-itu di-Kuala Belait sa-lama tidak kurang lima hari, supaya dalam masa tersebut akan dapat di-ketahui sama ada mereka itu ada atau tidak terkena penyakit itu, maka baru-lah di-berikan satu surat akuan daripada Pejabat Perubatan untok2 membolehkan mereka masuk ka-negeri yang di-tuju.

Di-dalam hal ini tentu-lah antara orang2 berpendapat yang bermacam2, tetapi sabalek-nya jika kita bandingkan dengan maksud hadith di-atas tadi tentu-lah peratoran itu tidak berlawanan dengan apa yang telah di-suroh oleh Rasulullah, demi menjaga keselamatan awam dan supaya jangan bertambah lagi merebak-nya wabak itu.

Usaha2 untok membolehkan dan tidak tersekat2 semua perjalanan dan maksud2 kemahuan orang ramai telah di-usahakan, seperti mana memberi suntikan yang sentiasa diadakan di-pejabat2 kesihatan negeri dan memberikan nasihat2 supaya menjauhi daripada segala perkara2 yang bo-

leh mendatangkan penyakit, seperti barang2 makanan dan kawasan2 tempat kediaman hendak-lah di-bersehhkan, dan orang ramai telah mengikut dan mematohi kapada nasihat2 itu, tetapi wabak itu telah juga menyerang di-negeri kita ini.

Dari apa yang kita buat dan ikhtiarkan untok menjauhi perkara2 yang kita tidak suka itu maseh lagi kadang2 di-terima. Ini ada-lah menunjukkan bahawa kuasa yang ada pada kita ada-lah tidak chukop, dan kuasa yang sa-benar2-nya ia-lah kuasa Allah yang tidak dapat di-lebehi oleh kuasa mahlok. Maka di-sini datang-lah perkara khada' dan kadar sa-bagaimana tersebut di-dalam rukun iman yang kita semua perchaya dan mesti dipatohi itu.

Maka dengan tidak sampainya maksud sa-bahagian dari pada saudara2 kita yang akan menunaikan fardhu haji tahun ini, mudah2an menjadikan kebaikan kepada mereka dan bukan kesusahan dan mengurangkan. Sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Allah di-dalam Al-Quran dalam surah Al-Bakarah, ayat 216 yang bermaksud:

"Dan boleh jadi kamu kurang menyukai sa-suatu sedangkan itu berguna kapada kamu, dan boleh jadi kamu suka pada sa-suatu sedang itu akan menyusahkan kamu. Allah mengetahui dan kamu tiada mengetahuhi."

Oleh yang demikian orang ramai ada-lah di-serukan supaya sentiasa mengetahui peratoran2 dan di-samping itu bermohon ka-hadharat Allah muga2 negeri kita akan dapat bebas semula daripada wabak kolera dan wabak2 lain dan jadi-lah negeri ini "bal-da-tun taie-ba-tun war-rabu-ghafur."

**1,083 orang penuntut akan
memasoki pereksa Ugama**

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 1,083 orang penuntut kelas2 dewasa Ugama akan mengambil pepereksaan mereka dalam bulan ini yang di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-ramai 690 orang chalun akan mengambil pepereksaan itu di-47 buah pusat di-daerah Brunei Muara, 206 orang di-16 buah pusat di-Daerah Belait, 135 orang di-15 buah pusat di-Daerah Tutong dan 52 orang chalun di-enam buah pusat di-Daerah Temburong.

Sa-ramai 703 orang chalun akan mengambil pepereksaan bagi perengkat rendah pada 13 Februari, 346 orang bagi perengkat menengah satu pada 20 Februari, 21 orang chalun bagi perengkat menengah dua pada 27 Februari dan 13 orang chalun dari Khemah Tahanan Berakas, akan mengambil pepereksaan perengkat lanjutan pada 20 dan 27 Februari.

Tahun lepas 371 orang penuntut kelas dewasa Ugama termasuk 157 orang perempuan telah lulus pepereksaan dalam berbagai2 mata pelajar-

an mengenai Ugama Islam di-perengkat rendah dan menengah.

Tiga belas dari chalun2 yang lulus di-perengkat menengah ada-lah dari Khemah Tahanan Berakas.

**Empat lanjutkan
pelajaran di-S'pura**

BANDAR BRUNEI. — Empat orang penuntut telah melepasi ka-Singapura pada minggu lepas untok meneruskan pelajaran mereka di-republik itu.

Mereka itu ia-lah Awang Kifriwi bin Kifli, Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Omar, Awang Ismail bin Duraman dan Awang Osman bin Pehin Udana Khatib Awang Tamin.

Awang Kifriwi dan Awangku Abdul Rahman akan memasoki Sekolah Swiss Cottage bagi perengkat sa-belum universiti dalam jurusan Inggeris, sementara Awang Ismail dan Awang Osman akan memasoki Sekolah Sang Nila Utama dalam jurusan Melayu.

**Waktu2 Sembahyang, Imsak
dan Matahari Terbit**

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Feb. 1970 hingga ka hari Selasa 10 Feb. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	4 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	5 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	6 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	7 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	8 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	9 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-01	5-21	6-36
	10 Feb.	12.40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

4hb. Februari, 1970

ISTIADAT MENGARAK

HARI Juma'at 29 Zulkaedah, 1389 bersamaan dengan 6 Februari, 1970 ini rasmi-lah gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar yang di-anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada adinda baginda Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Mohammad Bol-kiah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, D.K., PHBS.

Dengan penganugerahan gelaran itu, maka kedudukan Yang Teramat Mulia itu ialah sa-bagai kepala Wazir bagi Negeri Brunei Darussalam.

Yang Teramat Mulia itu berusia dalam lingkungan dua-pulohan dan mempunyai pendidikan yang tinggi dan mendapat latehan yang luas di-bidang ketenteraan dalam masa menuntut di-Maktab Tentera Diraja Sandhurst, London.

Rakyat negeri ini telah membanjiri pekarangan Istana Darul Hana sejak beberapa hari yang lalu untuk sama2 meraikan keramaian2 yang di-adakan untuk turut serta menyatakan kesyukuroran dan taat setia mereka, bukan hanya atas penganugerahan itu, tetapi juga menjunjung atas langkah2 yang bijaksana yang di-usahakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Segala rupa bangsa yang tinggal di-Negeri Brunei telah menyumbangkan tenaga mereka untuk mengadakan ranchangan2 hiburan di-pertunjukan2 pentas yang di-bena di-sekeliling kawasan Istana Darul Hana.

Perayaan2 yang di-adakan di-sekitar pekarangan Istana Darul Hana itu yang di-perkenankan oleh Baginda dan Ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan ada-lah satu peluang yang ke-emasan bagi rakyat Baginda untuk berhijrah ka-Istana sambil menikmati kawasan yang indah permai itu. Lebeh2 lagi rakyat Baginda yang berhasrat dan "berniat" untuk melihat2 istana Raja yang mereka kasehi.


Saat penting yang di-tunggu2 oleh seluruh rakyat dalam suasana istiadat penganugerahan itu nanti ia-lah ketika berlangsungnya istiadat mengarak keliling Bandar Brunei ka-atas Yang Teramat Mulia itu. Ketika itu, rakyat dan penduduk negeri ini akan berpeluang menyaksikan wajah Yang Teramat Mulia itu dengan di-iringkan oleh kelengkapan2 menurut adat-istiadat yang gilang gemilang.

Saat itu akan di-jadikan sa-bagai satu sejarah yang tidak dapat di-lupakan atas sifat2-nya sa-bagai hari yang baik yang mungkin bagi sa-tengah2 orang akan menjadikan saat itu sa-bagai sempena yang gemilang.

Maka tidak shak lagi, seluruh rakyat dan penduduk negeri ini sama2 mendoakan semoga Allah lanjutkan usia Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar.



Gambar2 atas, kanan dan bawah menunjukkan ketika jemaah2 dari rombongan yang pertama turun dari bas2 menuju ka-lapangan terbang untuk menaiki kapal terbang Sharikat Penerbangan Malaysia Singapura yang membawa meraka ka-Labuan dalam empat penerbangan.



Awang Besar Sagap, Penggubah Lagu Kebangsaan Brunei, ada-lah di-antara yang menunaikan rukun Islam yang ke-lima tahun ini.

AKHIR-NYA MEREKA MENUNAIKAN

ROMBONGAN ke-2 jemaah2 haji Brunei sa-ramai 42 orang yang hari ini mengakhiri waktu pengasingan mereka sa-lama 5 hari di-Kuala Belait akan bertolak meninggalkan tanah ayer esok.

Mereka akan menaiki sa-buah kapal terbang MSA menuju Singapura dan dari Singapura ka-Jeddah akan menaiki sa-buah kapal terbang yang di-sewa khas oleh Sharikat Pelancongan Kalimantan, Brunei yang menguruskan penerbangan jemaah2 haji itu.

Mereka telah di-asingkan di-Kuala Belait mulai 31 Januari lepas atas nasihat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan berikutan dengan terjadi-nya penyakit kolera di-negeri ini.

Sementara itu, Jabatan Hal-Ehwal Ugama mengumumkan bahawa rombongan pertama jemaah2 haji Brunei yang berlepas pada 31 Januari yang lalu mengandongi sa-ramai 105 orang telah selamat sampai di-Jeddah pada petang hari Ahad, 1 Februari, 1970.



MEREKA DAPAT MENUNAIKAN HAJI

Brunei meng-
lama 5
mening-

kapal
dari
sa-buah
Shah
Brunei
jemaah2

ala Be-
nasihat
lan Ke-
nya pe-

l-Ehwal
mbongan
berlepas
ongi sa-
papai di-
ebruari,

Berikutan dengan berlakunya wabak kolera di-Daerah Brunei dan Muara, maka pemergian jemaah2 haji Brunei yang menaiki kapal terbang telah tergendala.

Menurut pendaftaran, sa-ramai 185 orang di-jadualkan berlepas dari Brunei pada tarikh2 27 dan 31 Januari lepas, tetapi perubahan penerbangan dan pembatalan beberapa orang dari jemaah2 haji itu terpaksa di-lakukan bagi kepentingan kesihatan.

Penapisan ka-atas 185 orang jemaah2 haji itu telah di-lakukan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan Jabatan Hal-Ehwal Ugama yang hasil-nya hanya 147 orang di-benarkan menunaikan haji tahun ini.

Sa-ramai 38 orang telah di-batalkan pemergian mereka di-sebabkan kampong2 mereka telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang di-serang oleh wabak kolera.


Bagi menunaikan kehendak undang2 antara bangsa, maka jemaah2 haji yang di-benarkan itu telah menjalani pengasingan sa-lama lima hari untuk membolehkan mereka mendapatkan sijil2 kesihatan yang di-perlukan.

Usaha2 pengasingan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait itu telah di-kendalikan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama dengan kerjasama dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang membiayai makanan dan minuman; Jabatan Pelajaran yang meminjamkan bangunan sekolah tersebut; Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang mengawasi terus menerus hal-ehwal kesihatan jemaah2 haji itu; dan Pulis Diraja dan Askar Melayu Diraja yang mengadakan kawalan2 ketat bagi keselamatan jemaah2 haji itu.

Dalam masa menjalani kurantun itu, jemaah2 haji tersebut telah di-beri beberapa kemudahan yang lain termasuk memberikan kursus2 singkat berhubung dengan ibadah haji dan tayangan2 wayang gambar yang berchorak agama.

Mereka di-jadualkan pulang ka-tanah ayer dalam bulan Mach akan datang.

(Gambar2 yang di-siarkan dalam ruangan ini ia-lah suasana rombongan pertama jemaah2 haji ketika meninggalkan tanah ayer untuk menunaikan rukun Islam yang ke-lima itu).



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin (no 2 dari kiri) sedang berbual2 dengan jemaah2 haji sa-belum mereka berlepas meninggalkan lapangan terbang menuju ka-Labuan.




▲ Sa-bahagian dari jemaah2 haji sedang melambai2 untuk mengucapkan selamat tinggal kepada sanak saudara mereka yang menghantar di-lapangan terbang Berakas.

▼ Johan Qari'ah Sa-Negeri Brunei 1966 Dayang Damit bte Mohd. Yusof, yang menunaikan haji dengan tambang hadiah dari kerajaan ketika ditemu ramah oleh juruhebah Radio Brunei, Awang Mohd. Noor Yassin.



Pekerja2 Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang mengangkut barang2 jemaah2 haji ka-kapal terbang.



Sebab2 kemasokan buroh luar ka-negeri ini — Awg. Ali

BANDAR BRUNEI — Pesuruhjaya Buroh Awang Mohamed Ali bin Awang Besar berkata bahawa menubuhkan sa-sebuah kesatuan bukan-lah untuk melancharkan tuntutan2 sa-bagai perjuangan kepada pehak kerajaan, tetapi ia-nya hendak-lah memberikan kerjasama dalam mengekalkan keamanan, kemakmoran dan patoh kepada kerajaan.

Awang Mohamed Ali berkata demikian ketika merasmikan mashuarat agong Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 kali yang kedua di Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada minggu lepas.

Pesuruhjaya Buroh itu menjelaskan menubuhkan sa-buah kesatuan itu ia-lah bertujuan untuk menyatu-padukan segala fikiran, tenaga dan kerjasama di-samping kegiatan2 kesatuan itu.

Beliau berkata bahawa kerajaan sentiasa akan memberi pertimbangan di-atas tuntutan2 kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2.

Tetapi, beliau menegaskan bahawa segala tuntutan itu hendak-lah di-teliti dan di-kaji dengan beberapa aspek yang tertentu dengan dasar kerajaan.

Beliau juga mengingatkan kerani2 dan peon2 itu supaya menumpukan kepada pelajaran dan jangan-lah mengharap-kan kepada kerja yang di-jawat oleh mereka sekarang ini.

Pesuruhjaya Buroh itu juga menyentoh tentang kemasokan pekerja2 dari luar negeri.

Beliau menjelaskan bahawa kemasokan pekerja2 luar negeri itu ia-lah di-sebabkan dengan ada-nya projek2 pembangunan kerajaan yang sedang di-laksanakan pada masa ini.

Brunei akan menyertai perlawanan bola sepak Asia

BANDAR BRUNEI — Persatuan Bola Sepak Amature Negeri Brunei akan mengadakan satu pemilihan untuk menghantarkan satu pasukan bagi mewakili negeri ini ka-pertandingan kejohanan bola sepak Asia ka-12 di-Manila.

Pegawai Pendaftar Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei Awang Hussain bin Zainal berkata, perlawanan itu akan di-adakan pada 15 April hingga 2 Mei di-National Stadium Manila.

Awang Hussain berkata, persatuan2 beliau, maktab2 dan sekolah2 menengah akan di-kehendaki menghantar wakil

Untuk mengatasi kekurangan pekerja2 yang mahir ini, beliau menyatakan bahawa kerajaan telah pun mengadakan sekolah2 aneka jurusan.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Awang Puteh bin Jukin selaku Yang Di-Pertua Kesatuan tersebut.

Di-antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Penasehat Buroh Awang J. P. Rutherford yang baru saja sampai ka-negeri ini.

Sokan Sekolah2 Rendah Melayu dalam bulan Jun

BANDAR BRUNEI — Sokan Sekolah2 Rendah Melayu Negeri Brunei bagi tahun ini telah di-tetapkan akan di-adakan dalam bulan Jun akan datang.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, selain achara2 perlumbaan lain2 achara pertandingan juga akan di-adakan ia-itu tujuh achara bagi lelaki dan lima bahagian perempuan, sa-bagaj tambahan.

PERLAWANAN TAMBAHAN

Ini termasuk bola sepak; hoki; bola tampar; sepak raga; bola jaring dan berbang.

Juruchakap itu berkata, borang2 untuk menyertai perlumbaan rentas desa yang akan di-adakan dalam bulan Februari ini telah pun di-hantar-kan ka-semua sekolah2 kerajaan.

pasokan masing2 yang layak untuk di-hantar ka-pertandingan itu dan mereka hendak-lah berumur genap 20 tahun pada 1 Januari tahun 1970.

Satu pemilihan chara berperingkat akan di-adakan untuk menentukan pemilihan terakhir bagi mendapat latehan2 yang chukop sa-belum pasokan dari negeri ini di-hantar ka-Manila.

Sa-banyak 22 negeri2 Asia di-jangka menyertai pertandingan itu.

Ini-lah pertama kali-nya Brunei di-jemput menyertai pertandingan kejohanan bola sepak Asia itu.



Awg. Mohamed Ali

TEMUDUGA UNTUK JADI GURU PELATEH

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pelajaran telah memilih untuk di-temu duga sa-ramai 77 orang dari penuntut yang memohon untuk menjadi guru pelateh, di-Maktab Latehan Perguruan Brunei.

Mereka akan di-temu duga oleh Penyusun Latehan Perguruan Awang A. D. Bumford dan Timbalan Penguasa Pelajaran Melayu Awang Mohamed Hussein bin Mohamed Yusof.

TEMUDUGA

Chalun2 dari daerah2 Brunei-Muara dan Temburong akan di-temuduga pada 9 Februari di-Maktab Latehan Perguruan Berakas sementara chalun2 dari daerah2 Tutong dan Belait akan di-temu duga pada 11 Februari di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Chalun2 yang berjaya kemudian-nya akan di-temu duga oleh jawatan-kuasa dermasiswa yang akan membuat keputusan muktamad.

Perlawanan hoki enam sa-pasokan anjoran AMDB

BANDAR BRUNEI — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menganjorkan perlawanan hoki enam orang sa-pasokan di-khemah Berakas pada hari Ahad 8 Mach hadapan.

Perlawanan yang akan di-jalankan chara kalah mati itu ada-lah terbuka kepada angkatan bersenjata di-negeri ini termasuk pulis, sekolah2, maktab2, kelab2 dan persatuan2.

Borong2 untuk menyertai perlawanan tersebut telah pun di-bahagi2kan kepada yang berkenaan. Borong2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12 Februari ini.

PIALA REBUTAN

Perlawanan2 akan di-jalankan di-sebelah pagi ia-itu bergantung kepada jumlah pasokan yang akan mengambil bahagian.

Pasokan yang menang dalam perlawanan itu akan menerima piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Awang Abdul Rahman bin Mustapha.

Pada tahun lalu, piala ter-

sebut di-menangi oleh pasokan Makab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

LATEHAN MENEMBAK

BANDAR BRUNEI — Pasokan Meriam Katak Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menjalankan latehan menembak peluru betul pada 11 dan 12 Februari, dari tempat menembak, di-Kampung Bintauran Daerah Tutong, antara 2.00 petang dan 4.30 petang.

Jarak paling jauh tembakan-nya ia-lah 4,500 meter dan ia-nya akan di-tembak hingga sa-tinggi 8,500 kaki.

Penduduk2 di - Kampung Bintauran; Bukit Panggal; Bandong dan Penanjong adalah di-nasihatkan menjauhkan diri dari kawasan itu semasa latehan di-jalankan. Mereka juga di-nasehatkan supaya menentukan lembu kerbau-nya tidak merayau2 di-kawasan bahaya.

Pada masa ini tempat latehan menembak Bintauran di-gunakan oleh pasokan Gurkah Rifle kerana menjalankan latehan menembak hingga 7 Februari.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memohon jawatan Ketua Jururawat Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. Tugas2-nya termasuklah menjaga Perkhidmatan2 Kesihatan Kanak2

dan Ibu2 di-sebarang daerah di-negeri ini.

Kelayakan2:

- a) S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singa-

- pora.
- b) Mesti-lah lulus dan mempuny-ai Sijil Peperiksaan Pelawat Kesihatan.
- c) Hendak-lah sa-baik2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BWI — \$1020 x 40 — 1220. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman, Gaji Pujukan akan di-bayar sekira-nya ber-hak menurut Peratoran2.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrek selama 3 tahun dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan

genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Peja-bat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1970.

Sa-bagai Pegawai Gigi

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk di-lantek ka-jawatan Pega-wai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempuny-ai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:-

- a) L.D.S. / B.D.S. (Singapura) atau
- b) B.D.S. (Malaya) atau
- c) Sebarang ijazah, diploma atau lesen yang di-iktirafkan sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan oleh General Dental Council di-United King-dom.

Pengalaman:

Chalun2 mesti-lah mempuny-ai beberapa tahun pengalaman. Mempunyai pengalaman dalam Perkhidmatan Rawatan Gigi ka-Sekolah2 ada-lah merupakan satu kelebihan. Semua butir2 mengenai kerja2 latehan ilmiah (post graduate work) hendak-lah di-sebutkan semasa memohon.

Tugas2:

Tugas2 termasuklah memberi rawatan di-Sekolah2 rumah2 sakit serta klinik2 gigi bergerak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB3 — \$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergan-tong kepada pengalaman yang telah di-perolehi.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrek selama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% dari-pada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila ber-henti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei pada masa ini.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-

penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Peja-bat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Februari, 1970.

Sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau ber-hak di-daftarkan sedemikian un-tok di-lantek ka-jawatan Jururawat2 Gigi Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah telah men-chapai umur 17 tahun tetapi tidak lebeh dari 28 tahun dan mereka mesti-lah bujang. Mereka mesti-lah lulus Sijil Brunei Junior atau kelulusan yang sebanding dengannya. Keutamaan akan di-beri ka-pada mereka yang lulus peperek-saan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Gaji:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan — D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB270 x 15 — 360.

Jururawat2 Gigi Terlateh — D3 — \$380 x 20 — 480.

Tempoh Perchubaaan:

- a) Chalun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan selama 3 tahun 4 bulan sebagai Jururawat2 Gigi pe-lajar dan di-kehendaki nen-jalani latehan di-Sekolah Per-gigian Persekutuan di-Pulau Pinang atau lain2 pusat latehan yang tertentu. Latehan di-Pulau Pinang, Malaysia, ini akan mengambil masa se-lama 2 tahun 4 bulan.
- b) Setelah menamatkan latehan di-Pulau Pinang, atau di-mana2 tempat latehan, Jurura-

wat2 Gigi Perchubaaan akan di-kehendaki bertugas di-Keli-nik2 Pergigian Brunei di-bawah pengawasan Pegawai Pergigian selama satu tahun.

Tugas2:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-tempatkan di-Klinik2 Gi-gi di-sekolah2 di-seluruh Negeri. Pakaian seragam akan di-beri percuma.

Elaon

Semasa menjalani latehan di-

Pulau Pinang atau di-mana2 tempat latehan, elaon sara hidup se-banyak \$5/- sa-hari akan di-berikan \$30/- sa-bulan bagi elaon ken-deraan dan sewa tempat tinggal yang di-persetujui akan di-bayar.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat dari-pada 23hb. Februari, 1970.

Sa-bagai Pegawai Imigeresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Sultan un-tok di-lantek sa-bagai Pegawai Imigeresen di-Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsa'an, Brunei. (6 jawatan kosong).

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhid-mat di-Pejabat Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsa'-an akan juga di-pertimbangkan.
- b) Chalun2 mesti-lah berumur antara 17 dan 25 tahun. Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia menjalankan

tugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 18hb. Februari, 1970.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



M.B. SAMPAIKAN CHEK BERHARGA \$318,855.46 UNTOK TABONG DERMA GURKHA

BANDAR BRUNEI — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan chek yang berharga \$318,855.46 kepada Major General D. G. Horsford dari Gurkha Brigade di-Malaysia Barat dalam satu upacara yang telah diadakan di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Wang tersebut, termasuk derma dari Kerajaan Brunei sa-banyak \$159,588 dan baki-nya dari sumbangan orang ramai dari seluruh negeri itu ada-lah bagi Tabong Rayuan Untok Kebajikan Tentera Gurkha.

Jawatankuasa Tabong Rayuan Untok Kebajikan Tentera Gurkha itu telah di-tubuhkan di-negeri ini pada awal bulan Julai tahun lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan ia-lah menjadi Penaong2 Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa itu di-penguruskan oleh Menteri Besar dan di-anggotai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Kerajaan, badan2 perniagaan, tentera dan pulis dan juga orang2 Gurkha.

PENCHEN

Tabong rayuan itu ia-lah bertujuan untok mengutip wang bagi memenohi keperluan kebajikan askar2 Gurkha yang bersara dari tentera British dan keluarga2 mereka.

Berikutan dengan keputusan Kerajaan British untok mengurangkan orang2 Gurkha dalam jumlah tentera, bilangan orang2 yang menerima penchen akan bertambah kepada 18,000 orang pada penghujung tahun ini.

Upacara penyampaian chek tersebut di-hadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja Dato Utama Awang John Lee, Peguam Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kanun Di - Raja Dato Utama Awang Idris Talog Davies dan ahli2 jawatankuasa Tabong Rayuan Untok Kebajikan Tentera Gurkha.



Pengarah Perubatan di-kurniakan gelaran "Pehin"

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran 'Pehin' kepada Pengarah Perubatan dan Kesihatan Dato Setia Dr. P.I. Franks dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Lapau Bandar Brunei petang semalam.

Dato' Setia Dr. P. I. Franks sekarang di-kenali sa-bagai **Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Tabib Laila Di-Raja**.

Chiri gelaran di-istiadat itu telah di-bachakan oleh Mudim Awang Mohamad Yusof bin Abdul Latif.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-istiadat itu termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei Awang A. R. Adair; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

BANDAR BRUNEI — Seksi Kesenian dan Kebudayaan MBB akan mengadakan persembahan anika rama bersempena menyambut Hari Raya Haji yang akan datang ini.

Persembahan yang di-beri nama 'Malam Aidil Adha MBB' itu akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia, Bandar

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan sedang menyampaikan chek yang berharga \$318,855.46 kepada Major General D. G. Horsford dalam satu upacara yang di-adakan di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Jualan murah untok tabong M.P.M.D.B. pada 14 Februari

BANDAR BRUNEI—Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait hingga malam Khamis lalu, telah menerima sa-banyak \$14,700 sa-bagai derma dari orang ramai di-seluruh negeri.

Sa-orang juruchakap majlis itu berkata, jumlah derma itu mungkin akan mencapai kepada \$18,000 dalam tahun ini. Wang itu ada-lah di-perlukan untok menguruskan Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Derma tersebut ada-lah sumbangan dari pekedai2, sharikat2 perniagaan dan lain2 pertubohan yang biasa - nya memberikan derma kepada tabong Rumah Orang2 Tua itu apabila menjelang tahun baru China.

Tahun lalu sa-banyak \$18,-

025.41 sen, telah di-kutip.

Sementara itu Majlis Tersebut akan mengadakan jualan murah di-ibu pejabat Palang Merah Seria pada 14 Februari ini, untok menambahkan derma bagi projek2 majlis tersebut yang termasuk pemeliharaan Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Jawatankuasa kecil majlis itu juga akan bermashuarat bulan hadapan, kerana membincangkan chara2 untok menambahkan derma bagi tahun 1970.

Bulan ini Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah mengeluarkan sa-banyak \$1,356.00 sa-bagai bantuan perbelanjaan orang ramai.

Istiadat Mengarak

(Dari Muka 1)

malam untok menyaksikan berbagai2 acara persembahan dan permainan.

Untok melichinkan perjalanan Perarakan Di-raja itu, Pegawai Pemerintah Pulis Daerah telah mengumumkan bahawa beberapa batang jalan raya di-Bandar Brunei akan di-tutup kepada lalu lintas.

Perarakan Di-Raja itu berangkat dari Istana menuju ka-Lapau melalui Jalan Tutong, Bendahara Dua, Jalan Tasek Lama dan Jalan Bendahara Satu.

Sa-telah selesai Istiadat Mengurniakan gelaran, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir itu akan di-arak mengelilingi Bandar untok diperkenalkan kepada raayat jelata. Jalan2 yang akan di-lalui ia-lah Jalan Sultan, Jalan MacArthur, Jalan Pretty, Jalan Stoney dan Jalan Tutong hingga ka-Balai Bomba.

Pegawai Pemerintah Pulis Daerah berkata jalan2 raya yang di-lalui oleh perarakan itu akan di-tutup kepada lalu lintas mulai pukul 2.00 hingga 5.000 petang dan kenderaan2 tidak di-benarkan di-takkan di-sepanjang jalan2 tersebut.

Kenderaan2 dari Bandar Brunei menuju ka-Tutong, Seria dan Belait hendak-lah melalui Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Gadong sementara kenderaan2 dari Belait, Seria dan Tutong hendak pergi ka-Bandar Brunei hendak-lah menggunakan Jalan Gadong.

"Malam Aidil Adha" anjoran M. B. B.

Brunei pada 17 Februari mulai jam 8.00 malam.

Ketua Seksi Kesenian dan Kebudayaan MBB, P.H.T. Tajuddin, menyatakan di-antara acara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu termasuk-lah persembahan sa-buah 'Komidirama' yang ditulis oleh Awang Mahmud Haji Bakyr dan akan di-arah-

kan oleh Awang Harun Mohammad Dom.

Lain2 acara ia-lah nyanian2 moden dan asli, lawak jenaka, dan deklamasi sajak yang di-selenggarakan oleh Awang Wahab Tengah.

Tiket2 yang berharga \$1.00 dan 50 sen untok menyaksikan persembahan tersebut akan di-jual dalam minggu ini.